



# PEMBURU BARAKAH

Karya Jamal Ismail  
SINGAPURA

“D

I Singapura kamu tidak dibenarkan meminta sedekah. Berjaja tanpa izin juga satu kesalahan.”

“Kalau tak boleh, bagaimana saya boleh bantu bina asrama pelajar madrasah ini?” kini pertanyaan itu mendorongnya mendaki anak-anak tangga sebuah makam.

“Di sebelah masjid kecil itu, ada sebuah makam. Engkau pasti tidak akan terlepas pandang. Dari jauh kubah makam itu jelas kelihatan berbanding bumbung masjid,” kata Mudir Jemendar Ali Khan, mantan merinyu kesihatan awam. Pernah bertugas di Rawalpindi mewakili Jabatan Kesihatan Awam Pakistan dan mengambil *Diploma in Air Pollution* di Singapura pada tahun 1980 dulu.

Dia dibenarkan menghuni bilik stor Restoran Sabar Menanti di Palmer House berdekatan. Lelaki yang diamanahkan belasan pesanan dari sebuah kampung di Rawalakot Azad Kashmir ini meninggalkan barang dagangannya di situ.

Terik mentari petang menggigit perit kulit tengkuknya. Keyakinannya terus membakar, barakah pasti ada di gelanggang semaian akhlak dan kasih sayang seorang wali yang terkenal zuhud, Habib Noh sejak kurun ke-19 lalu.

Sewaktu membaca *Surah Yasin*, azan asar belum berkumandang. Bayangan kubah makam yang sederhana besar itu melonjong meredupi halaman yang bersambung dengan masjid, menjamah jutaan helaian rerumput gajah dan butiran pasir bukit yang sekian lama menyaksikan banyak peristiwa penting merubah wajah sekitaran Shenton Way.

Penagih barakah dari Asia Tengah ini pasti, walaupun dua ratus tahun mengalir, air keajaiban itu terus ditagih para pengunjung. Rezeki para penziarah makam terus melimpah menepati hajat dan keperluan masing-masing.

Kini gilirannya sebagai seorang penziarah menyulam hajat tersirat pada saat Republik Singapura meraikan kemerdekaan ke-50 tahun.

Dia melaungkan salam sambil mendekati sekumpulan orang Melayu lanjut usia yang sedang bersembang di kawasan dapur di rusuk kanan masjid.

"Haji Jamil yang mana satu?" dia bertanya dalam bahasa Inggeris yang tidak lancar.

Kumpulan itu serentak memandang ke arah seorang lelaki kurus bertubuh kecil yang sedang membersihkan meja makan berhampiran pagar.

"Saya Haji Jamil," lelaki berkopiah lusuh itu mengaku. "Awak, Encik Imran Khan dari Kashmir yang hendak berniaga?"

Imran Khan mengangguk lalu bersalaman dengan orang-orang tua di situ.

"Itu," kata Haji Jamil dalam bahasa Inggeris sambil menuding ke arah gerbang besi masjid berwarna hijau di kaki tangga makam. "Depan *gate* itu, awak boleh berniaga, tapi jangan ganggu orang!"

Imran Khan berusia awal tiga puluhan, bertubuh tegap ukuran orang Asia Tengah daripada suku Pashtun meletakkan beberapa bungkusan plastik yang dijinjingnya sejak tadi di atas meja lalu menyeluk saku kanan kurtanya.

"Ini hadiah daripada Mudir Jemendar," sambil menghulurkan tiga botol minyak wangi kepada Haji Jamil. "Dia berkirim salam!"

"Aku suluk di makam itu setiap malam Jumaat selama setahun," kata Jemendar Ali Khan, mudir pengajian di Madrasah al-

Ulum al-Islamiah di Rawalakot Azad Kashmir setelah bersara daripada perkhidmatan awam. Dia penuh yakin menyarankan Imran Khan berniaga di Singapura sepanjang tiga bulan perayaan dari Disember hingga Februari dengan mengambil berkat Makam Habib Noh. "Banyak keistimewaan!"

Imran Khan berdiri di hadapan gerbang besi di bawah bukit yang dikongsi makam dan Masjid Haji Muhammad Salleh. Matanya menyukat keliling. Berasa takjub. Walaupun terhimpit di antara lebuhraya, terminal bas dan bangunan pencakar langit pusat bandar, kedamaian tetap menguasai sekitaran makam ini.

Dalam keterujaan itu, angin sepoi segar dari arah Pelabuhan Tanjung Pagar menjamah tubuhnya. Menambah segar nyaman diri. Dia seolah-olah berada di atas puncak sebuah bukit tunggal di belantara. Kicau unggas sahut-menyahut.

Tiba-tiba puluhan merpati mendarat serentak di sebelah kanannya. Menerawangkan habuk jalanan dan najis kering merpati yang berserakan di atas permukaan aspal. Bauan hapak segera menerjah lubang hidungnya. Gerbang besi makam berwarna hijau tiba-tiba bergegar.

Haji Jamil dan rakan-rakannya menjeling ke arah gerbang makam yang bergegar itu. Mereka memandang sesama sendiri sebelum meneruskan sembang lumrah petang menanti asar.

Setelah selesai solat isyak di masjid, Imran Khan bergegas ke bilik stor untuk mengkatalogkan pelekat plastik yang dihiasi ayat-ayat al-Quran pilihan seperti Ayat Seribu Dinar, Ayat Kursi, nama-nama Allah Yang Mulia, serta gandingan perkataan Allah SWT dan Muhammad SAW dalam berbagai-bagai bentuk dan saiz untuk didagangkan pada esok hari.

Dia mengamati sebuah fail plastik ukuran kertas kajang dengan sekeping gambar besar para pelajar berdiri di hadapan Madrasah al-Ulum al-Islamiah yang menjadi kulit muka. Di dalamnya terkandung surat-surat sokongan usahanya memungut derma daripada beberapa pihak seperti JAKIM dan individu berpengaruh. Juga gambar-gambar bangunan asrama pelajar separuh siap.

"Kenapa tak jual di Kashmir saja. Di Masjid Khulfaerashdeen kan ramai orang?" tanya isterinya, Hasnah Begum.

"Orang Singapura kaya-kaya. Pemurah. Suka menderma," jawabnya selamba semasa memasukkan dua helai kain pelekat, dua helai kurta, dua helai seluar, dua helai singlet dan sehelai tuala mandi ke dalam beg pakaian.

"Berapa lama?" tanya isterinya lagi.

"Seminggu dua. Kalau cepat habis ... boleh sambut Maulidur Rasul sama-sama!" jawabnya menyedapkan hati isteri.

"Jangan lupa belikan kami baju-T merlion ya ayah," pinta anak gadis suntinya, Jamela. Diikuti anggukan ghairah Shafiq, adiknya.

Dengan lima ratus keping pelekat plastik berukuran kecil dan sederhana yang dibawa dalam dua begasi pakaian, Imran Khan menaksir boleh menjual dengan harga antara lima hingga sepuluh Dolar Singapura. Tidak termasuk derma.

"Cukuplah dengan sering menziarahi makam itu dengan niat yang betul, urusan kamu akan dipelihara, insya-Allah," ujar Mudir Jemendar Ali Khan lagi.

Pemuda suku Pashtun itu mula menjaja ratusan pelekat plastik al-Quran dan selawat secara sembunyi-sembunyi selama seminggu di kawasan sekitar Shenton Way, Telok Air Street, Battery Road hingga South Bridge Road, tetapi tiada hasil yang diperolehnya melainkan penat.

Dia pulang sebelum maghrib untuk bersiap solat berjemaah bersama-sama Haji Jamil dan rakan-rakannya yang sangat baik hati itu. Mereka menawarkan makanan berupa karpap, nasi lemak dan sambal tumis, serta teh tarik kepadanya secara percuma.

Suatu malam selepas solat isyak, Imran Khan bertolak ke Masjid Sultan untuk berdagang. Dia mendapat tahu daripada poster yang tertampal di papan maklumat, ramai jemaah akan berkunjung ke masjid itu untuk mengikuti forum agama.

Imran Khan menangguk di aliran para jemaah masjid, di suatu sudut dekat kolah wuduk. Apabila dia mula membuka fail mempamerkan hajatnya, seorang lelaki bergegas mendekatinya.

"Sini bukan tempat minta derma!" sergah lelaki itu. "Dapatkan izin MUIS dulu sebelum minta derma di sini."

Imran Khan terkejut tetapi tidak membantah. Dia segera menutup kembali failnya sambil menjinjing bungkusan plastik kembali ke Masjid Haji Muhammad Salleh.

"Awak tak ada lesen. Salah mendesak-desak orang untuk menderma. Nasib baik tak kena saman!" kata kawan Haji Jamil.

"Itu ahli jawatankuasa masjid. Mungkin juga penguat kuasa. Dia menjalankan tugas sebab ada beberapa orang peminta sedekah yang ganggu orang hendak beribadah di masjid," jelas Haji Jamil pula.

"Cubalah cari tempat lain," pujuk kawan Haji Jamil lagi menggalakkan Imran Khan agar jangan berputus asa.

Walaupun berasa sedih, namun dia tetap yakin dengan pesanan Mudir Jemendar di kampung, "Banyak ujian mencari rezeki yang berkat ini. Kalau cekal insya-Allah berjaya."

Keesokan harinya, selepas solat Jumaat, dia bergegas lagi mencari kawasan baharu untuk berniaga berdekatan Masjid Maulana Mohammed Ali. Kali ini dia bergerak sekitar kawasan UOB Plaza dan sepanjang tebing Sungai Singapura.

Malangnya tempat yang menjadi tumpuan orang lalu-lalang itu kurang dilalui orang Islam. Orang Cina, India, Eropah dan para pelancong yang banyak berkumpul di situ tidak berminat dengan pelekatnya. Apalagi mahu menderma. Mereka lebih berminat bergambar, bersiar-siar dan makan minum di Clarke Quay.

Setelah tiga jam mencari penderma dan pembeli, Imran Khan mula berkemas untuk pulang. Dia berasa hairan kenapa kejadian luar biasa berkat Makam Habib Noh yang diharap dapat membantu melariskan barang dagangannya masih belum terjadi? Dia musykil, apakah yang masih kurang hingga pintu rezekinya belum terbuka? Adakah makam istimewa itu sudah hilang berkatnya kerana kurang dikunjungi orang-orang yang ikhlas?

'Bukankah makam itu penuh barakah? Di situ bersemadi seorang wali berakhlak mulia dan sangat mengasihani kanak-kanak? Dengan keberkahan itulah pulau ini menjadi makmur! Aku mengambil peluang ini untuk pembangunan madrasah di tanah airku!' bisik hatinya.

"Berkat itu ada pada tempat, seperti tanah suci Mekah dan Madinah. Masjidil Aqsa. Ada pada manusia istimewa, seperti Rasulullah SAW, nabi dan para wali. Juga ada pada amalan, seperti orang yang rajin berselawat kerana cintanya kepada Rasulullah hingga Rasulullah SAW mengasihinya kembali. Segala urusannya akan dipermudah dan dibantu,"



kata Mudir Jemendar semasa menghantar Imran Khan berangkat menaiki bas ke Srinagar untuk ke Islamabad dan akhirnya terbang ke Singapura.

"Jangan lupa sentiasa jaga niat untuk cari reda Allah SWT waktu berurusan dengan manusia dan sabar!" pesan Mudir Jemendar lagi.

'Mungkin aku masih banyak berkeluh kesah dan tidak sabar,' pujuk hatinya.

Maka pulanglah pemuda Pashtun itu dengan tangan kosong lagi. Kerana kepenatan, dia tidak terus ke bilik stor tetapi berehat sebentar di serambi masjid. Dia telah mendapat izin Haji Jamil untuk qiamullail. Disandarkan tubuh kurusnya yang penat pada tembok hingga hampir tertidur.

Menyedari kealpaan adabnya di masjid, dia segera bangkit mengambil wuduk. Selepas solat sunat tahiyatul masjid dan witr, dia terus berzikir sehingga tasbih di jari tangan kanannya jatuh tanpa disedari.

Dalam lelap seketika, Imran Khan bermimpi didatangi seorang lelaki berjubah dan berkopiah putih memberitahu, pada akhir

zaman, pencari rezeki halal akan menempuh kesukaran.

"Kenapa?" tanya Imran Khan kepada lelaki berjubah berkopiah putih itu.

"Kerana pada akhir zaman sukar mencari rezeki yang berkat," katanya.

"Kenapa tidak berkat?" tanyanya lagi.

"Rezeki itu bercampur aduk dengan perkara-perkara syubhah," jelas lelaki dalam lelapnya lagi.

Imran Khan terkedu seketika kerana bingung, "Bagaimana cara menjadi mulia dengan mencari rezeki halal pada akhir zaman?"

Orang yang datang dalam lelap seketika itu memberitahu, "Cara terbaik adalah dengan menjual kitab. Menjual kitab ertinya menyebarkan ilmu al-Quran dan as-Sunnah. Membangunkan tuntutan kedua-duanya dalam kehidupan."

"Menjual kitab?" tanya Imran Khan yang terus bingung dalam lelapnya. "Di mana saya boleh cari kitab untuk dijual di Singapura?"

"Ada dalam helaian al-Quran di dalam masjid ini!" kata orang itu lagi.

Imran Khan terjaga lalu segera beristighfar, mengambil wuduk semula untuk solat taubat. Setelah itu dia mencapai senaskhah al-Quran di atas rak buku. Dia duduk semula menghadap kiblat sambil memejamkan mata membaca Ummul Kitab. Suara garaunya yang merdu memenuhi ruang masjid kecil itu.

Waktu membuka lembaran demi lembaran al-Quran itu, terdedahlah *Surah al-Talaq* menghiasi pandangan matanya pada dinihari itu. Dia mula membaca tetapi tidak dapat meneruskan bacaannya pada akhir ayat ke-3 *Surah al-Talaq* itu.

Ingatan dan hatinya digamit kembali kepada peringatan lelaki dalam lelap seketika tadi. Dia teringat pesanan yang menyuruhnya mencari rahsia rezeki halal di sebalik helaian al-Quran di masjid itu.

Dia segera mencapai naskhah al-Quran terjemahan Urdu dan mencari-cari makna ayat-ayat yang dibacanya tadi. Pada perkataan "Dan memberikannya rezeki dari arah yang tidak disangka-sangka", Imran Khan terpegun.



Pemuda Pashtun itu memulakan hari baharu dengan bersungguh-sungguh menjinjing bungkusan plastik, mengetuk pintu ke pintu rumah orang Islam sekitar kawasan Blair Road, Everton Road dan Cantonment Road. Akhirnya pada penghujung hari, banyak orang yang terbuka hati menderma. Dia juga berjaya menjual satu perlima pelekat plastik ayat-ayat al-Quran dan selawat.

"Alhamdulillah. Hari ini saya dapat jual lapan puluh pelekat," jelasnya kepada Haji Jamil dan rakan-rakan sembangnya.

"Kalau tak habis dijual nak buat apa?" tanya Haji Jamil.

"Bikin tampal bumbung bocorlah!" jawab Imran Khan berseloroh.

Namun tidak seorang pun daripada mereka berasa lucu dengan gurauan itu.

Hari berikutnya, dia buat perkara yang sama hingga habis terjual semua pelekat plastik al-Quran pada hari keempat. Lama dia bersujud syukur di tepi jalan Masjid al-Abrar hingga menarik perhatian orang ramai yang lalu-lalang di Telok Ayer Street.

Beberapa orang jemaah yang baru keluar masjid bertanya, "Apa yang tuan syukuri hingga begitu lama sujud?"

Dia menjawab penuh yakin bahawa barang-barang dagangannya telah habis dijual.

"Apakah yang luar biasa dengan perkara itu?" tanya mereka lagi.

"Saya telah berusaha bersungguh-sungguh, bersabar dan bertawakal!" jawabnya pula.

Mereka tidak mengerti kerana ramai juga orang yang telah berusaha bersungguh-sungguh dan memperoleh rezeki yang banyak. Malah lebih banyak daripada rezekinya tetapi tidak perlu bersujud syukur.

Dia tersenyum teringat motivasi Haji Jamil semasa mereka bersarapan tentang sepotong hadis, apabila seorang musafir berdoa memohon Allah membantunya sedangkan makan minum, pakai dan rezekinya daripada sumber-sumber yang haram. Bagaimanakah Allah akan memperkenankan doanya?

Jadi apakah yang aneh jika orang lain tidak tahu dan mampu untuk bersyukur kepada Yang Maha Kaya dan Maha Pemberi Rezeki? Bukankah hati yang disuburkan oleh makanan haram dan syubhah akan dipenuhi kekotoran dan tidak akan bercahaya seperti nyala pelita yang ditutupi kaca berjelaga?

Pulanglah pemuda Pashtun pemburu barakah Makam Habib Noh ke kampung halamannya dengan ghairah. Membuat persiapan menyambut Maulidur Rasul.

Tahun ini semasa di majlis maulid, Imran Khan seolah-olah berasa berada di Madinah, dalam kalangan orang Ansar dan Muhajirin menyambut riang kedatangan junjungan mulia Rasulullah rahmatan lilalamin memberikan syafaat kepadanya.

Dia bertambah yakin bahawa barakah itu memang perkara atau kejadian magis di luar jangkauan fikiran manusia. Sesekali terjadi kepada orang pilihan Allah.

Namun dia sedar, bagi orang awam sepertinya, barakah itu ialah amalan yang diusahakan secara istiqamah hingga Allah melihat dan menilai ibadah itu. Akhirnya memberikan imbalan tidak terduga daripada usaha ikhlas dan mujahadah yang berterusan.

Keesokan harinya, ketika Imran Khan berhati-hati memanjat anak-anak tangga kayu untuk memasang bumbung bangunan asrama pelajar, dia terdengar suara Jamela memarahi seseorang.

"Lain kali jangan pergi sekolah kalau tak mahu cium dahi ibu!" lantang suara itu hingga menarik perhatian keliling.

Apabila dia memandang ke bawah, kelihatan Jamela sedang memarahi Shafiq.

"Tapi kenapa?" dengus si adik.

"Sudah lupa cerita Ustaz Ahmad tentang peranan Malaikat Jibril setelah Rasulullah wafat?" sergah Jamela.

"Ingatlah!" jerit Shafiq dengan marah. Imran Khan menggeleng-geleng kepala melihat reaksi anak lelakinya.

Namun si kakak tetap sabar. Dengan lembut dia bertanya, "Kalau ingat, apa dia?"

"Malaikat Jibril alaihi salam akan turun ke bumi untuk mengambil sepuluh mutiara hidup peninggalan Rasulullah," jawab si adik dengan tenang.

"Apakah mutiara pertama yang akan diambil oleh Malaikat Jibril?"

"Barakah!" jawab Shafiq penuh yakin.

"Sebab itu adik kena cium dahi ibu sebelum ke sekolah untuk mendapat barakah menuntut ilmu," jelas Jamela.

"Allahuma solli 'ala Saiyidina Muhammad!" Imran melaung gembira dari atas bumbung bangunan asrama pelajar seperti Saidina Bilal melaungkan azan dari atas Kaabah saat Fathul Mekah. **M**

**BIODATA PENGKARYA**



Menceburi dua bidang kreatif, kesusasteraan dan penyiaran, Jamal Ismail menulis dalam pelbagai genre. Dalam bidang kesusasteraan, beliau telah menghasilkan beberapa buah kumpulan cerpen antaranya termasuklah *Yang dan Yang Kekucing*. Novel beliau *Songsang* memenangi Hadiah Kepujian dari Majlis Perkembangan Buku Nasional Singapura pada tahun 1986. Karya beliau juga terkumpul dalam beberapa antologi bersama seperti *Cerpen-cerpen Mutakhir Nusantara*, *Gema Temasik*, *Beginilah Kata-Kata dan Dalam Perjalanan*.

Sebagai penulis skrip, sutradara dan penerbit dalam bidang penyiaran, beliau melahirkan rancangan televisyen berbentuk drama dan dokumentari seperti *Tamadun Islam* yang memenangi *Loheh Noor* dalam Festival Filem dan TV Negara-negara Islam Pertama di Tehran, Iran, pada tahun 1997. **M**